

## Lembaran Penjelasan Produk

Baca Lembaran Penjelasan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk ini. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian, terma atau syarat am yang dinyatakan di sini.

## Pembiayaan Peralatan-i

Tarikh: \_\_\_\_\_

### 1. Apakah yang ditawarkan produk ini?

Pembiayaan Peralatan-i adalah pembiayaan patuh Syariah untuk memperoleh aset kapital (aset tetap) yang berada di luar Jadual Pertama Akta Sewa Beli 1967, seperti peralatan berat dan mesin jentera.

### 2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Konsep Syariah yang digunakan untuk produk ini ialah Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB). AITAB merujuk kepada dua kontrak Syariah iaitu Ijarah dan Bai', yang dilaksanakan secara berasingan dan berturutan.

Di bawah kontrak Ijarah, Bank (sebagai Pemilik) akan memindahkan hak untuk menggunakan aset kepada anda (sebagai Penyewa) pada bayaran sewa yang dipersetujui dalam tempoh sewaan yang dipersetujui. Apabila tamat tempoh sewaan, anda akan memasuki kontrak kedua (Bai') untuk membeli aset dari Bank pada harga yang dipersetujui yang bersamaan dengan bayaran ansuran/ sewa terakhir.

Bagi kes Pembiayaan Semula (dengan pembiayaan tunai), konsep Syariah *Tawarruq* juga terpakai.

Pengaturan *Tawarruq* adalah seperti berikut:

- Pelanggan akan melaksanakan Perjanjian Agensi dengan Bank untuk membeli komoditi patuh Syariah dari mana-mana Pedagang Komoditi pihak ketiga dan seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada Bank.
- Bank yang bertindak sebagai ejen Pelanggan akan membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan dengan Harga Belian.
- Kecuali jika di persetujui di antara semua pihak, atas permintaan Pelanggan, Bank akan mengizinkan Pelanggan untuk mengambil komoditi atas kos yang ditanggung Pelanggan dan menyerahkan komoditi tersebut sesuai dengan arahan Pelanggan.
- Selepas itu Bank dengan kapasiti sendiri akan membeli Komoditi dari Pelanggan dengan Harga Jualan yang merangkumi Harga Belian tersebut dan pembiayaan tunai melalui *Murabahah*.
- Bahagian pembiayaan tunai akan dimasukkan ke Akaun Pelanggan.
- Bank selepas itu boleh menjual Komoditi kepada Pedagang Komoditi pihak ketiga dengan harga Kos Komoditi.

### 3. Apakah yang akan saya perolehi dari produk ini?

Anda akan diberikan kemudahan dengan ciri-ciri utama seperti berikut:

Jumlah Pembiayaan	
Margin Pembiayaan	
Tempoh	
Kadar Keuntungan	i. Kadar Tetap: _____ setahun atau ii. Kadar Boleh Ubah: KAP _____ setahun

Nota:

- Kadar Asas Pembiayaan ("KAP") akan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- Sekiranya terdapat perubahan kepada KAP, Bank akan memberi notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) kepada anda dalam masa tujuh (7) hari bekerja dari tarikh perubahan tersebut berkuat kuasa.
- KAP terkini adalah 6.75% setahun

### 4. Apakah tanggungjawab kewangan saya?

- Bayaran/sewa bulanan: \_\_\_\_\_
- Jumlah amaun perlu dibayar: \_\_\_\_\_
- Selesaikan kesemua amaun tertunggak pada atau sebelum tamat tempoh matang pembiayaan iaitu tarikh matang.

### 5. Apakah jenis-jenis fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi dan caj untuk produk ini adalah seperti berikut:

Perkara	Butiran Fi dan Caj
Duti Setem	Seperti Akta Setem 1949 (disemak 1989)
Fi Kafalah	Sehingga 1.50% setahun ke atas jumlah jaminan tertakluk kepada minimum RM50.
Fi Perpindahan	Mengikut kos sebenar yang dikenakan pihak ketiga.
Surat Sokongan	RM50 (Dikecualikan untuk pelanggan perusahaan mikro).
Fi Broker (bagi kes Pembiayaan Semula, yang melibatkan pembiayaan tunai)	RM40.00 setiap RM1.0 juta atau mana-mana fi broker lain yang dikenakan oleh platform dagangan dengan kadar bertingkat..

Nota: Anda akan diberikan notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sekiranya berlaku apa-apa perubahan kepada fi dan caj di atas.

### 6. Bagaimana sekiranya saya tidak dapat memenuhi tanggungjawab saya?

- Bank boleh mengenakan dan menuntut daripada anda caj bayaran lewat Ta'widh (caj pampasan) seperti berikut:
  - Ingkar bayaran sepanjang tempoh kemudahan: 1% setahun ke atas amaun tertunggak;
  - Ingkar bayaran bagi amaun yang dijanji bayar untuk kes-kes yang ditarik balik/ditamatkan: 1% setahun ke atas baki tertunggak (prinsipal tertunggak tambah keuntungan terakru);
  - Ingkar bayaran untuk baki tertunggak selepas tamat tempoh kemudahan: Kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam ("IIMM") Bank Negara Malaysia ("BNM") ke atas baki tertunggak (prinsipal tertunggak tambah keuntungan terakru);
  - Ingkar bayaran untuk baki tertunggak selepas penghakiman:

Kadar IIMM BNM ke atas jumlah asas penghakiman (tidak termasuk kos undang-undang dan bayaran lewat).

- Nota:*
- i. *Caj pampasan tidak akan dikompaun;*
  - ii. *Kaedah dan kadar caj pampasan tertakluk kepada perubahan yang ditetapkan oleh BNM;*
  - iii. *Caj pampasan dikira setiap hari dari tarikh akhir pembayaran/tarikh penamatan/tarikh matang/tarikh penghakiman.*

- Bank boleh menolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikendalikan dengan Bank terhadap sebarang baki belum jelas dalam akaun pembiayaan ini dengan memberi notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum penolakan tersebut dilaksanakan.
- Bank boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda dan semua kos berkaitan akan ditanggung oleh anda. Tindakan undang-undang ini akan memberi kesan kepada penarafan kredit anda dan boleh mengakibatkan kesulitan dalam permohonan pembiayaan anda di masa hadapan.

#### Implikasi Pelanggaran Wa'd

Bank adalah bebas untuk menjual aset sama ada melalui lelongan atau melalui perjanjian persendirian kepada pihak ketiga jika anda melanggar janji (Wa'd) untuk membeli aset tersebut.

#### 7. Bagaimana jika saya menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya sebelum tarikh matang?

- Untuk Pembiayaan Kadar Tetap:  
Anda berhak mendapat Ibra' (rebat) menggunakan formula di bawah. Pengiraan ini berdasarkan formula yang ditetapkan dalam Akta Sewa Beli 1967.

Ibra' (Rebat)	=	$\frac{n(n+1)}{N(N+1)} \times TC$
------------------	---	-----------------------------------

Di mana,

- n: Baki tempoh sewa bulanan  
 TC: Caj Tempoh (Caj Keuntungan) kepada Jumlah Pendapatan dalam Perjanjian  
 N: Tempoh sewa bulanan

- Untuk Pembiayaan Boleh Ubah:  
Jumlah penyelesaian adalah bayaran ansuran/ sewa tertunggak ditambah caj tempoh yang terakru dan dikira sehingga tarikh tempoh bayaran/ sewa berikutnya.

#### 8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

- Anda dikehendaki mengambil perlindungan takaful yang menyeluruh ke atas aset yang dibiayai untuk seluruh tempoh Pembiayaan Peralatan-i.

#### 9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Penjamin dan cagaran mungkin diperlukan bergantung pada penilaian kredit anda yang dibuat oleh Bank.
- Sewaan prabayar mungkin diperlukan berdasarkan kes ke kes sebagai sebahagian daripada cagaran.

#### 10. Apakah risiko utama berkenaan produk ini?

- Sekiranya kemudahan berdasarkan kadar boleh berubah, kenaikan KAP akan meningkatkan jumlah bayaran ansuran/ sewa tetapi dihadkan pada Kadar Keuntungan Siling (KKS). Bank akan memaklumkan anda mengenai perubahan jumlah bayaran ansuran/ sewa tersebut dengan memberi

anda notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh berkuatkuasa.

- Sekiranya anda menghadapi sebarang masalah dalam memenuhi tanggungjawab anda, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda terlebih dahulu untuk membincangkan pembayaran alternatif. Ini adalah untuk mengelakkan anda dikenakan sebarang tindakan undang-undang sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran/ sewa anda.

#### 11. Apa yang perlu saya lakukan jika ada perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

- Anda perlu memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam maklumat untuk menghubungi anda untuk memastikan semua perhubungan sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Sila hubungi 03-2096 3000 atau kunjungi cawangan Bank berhampiran untuk mengemaskini maklumat untuk menghubungi anda.

#### 12. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?

- Jika anda menghadapi masalah dalam membuat bayaran, anda perlu menghubungi kami dengan segera untuk membincangkan bayaran alternatif. Anda boleh menghubungi Bank di:

**Jabatan Kutipan & Pemulihan  
Tingkat Bawah, Menara MBSB,  
46, Jalan Dungun,  
Damansara Heights,  
50490 Kuala Lumpur  
Telefon : 03-2096 3000  
Faks : 03-2092 1035**

- Untuk alternatif lain, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK"), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia yang menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)  
Tingkat 8, Maju Junction Mall,  
1001, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur,  
Telefon : 1800-88-2575  
E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)**

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh hubungi:

**Jabatan Pengurusan Pengalaman Pelanggan  
Tingkat 25, MBSB Bank Tower  
Jalan Persiaran Barat, Section 52  
46200 Petaling Jaya, Selangor  
Telefon : 03-2096 3000  
E-mel : [complaint@mbsbbank.com](mailto:complaint@mbsbbank.com)/  
[enquiry@mbsbbank.com](mailto:enquiry@mbsbbank.com)**

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak Bank, anda boleh hubungi:

**Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK  
Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Telefon : 1-300-88-5465  
Faks : +603-2174 1515  
E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)**

**13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai produk ini, sila layari laman web kami di [www.mbsbbank.com](http://www.mbsbbank.com) atau hubungi Pengurus Perhubungan anda.

**14. Lain-lain kemudahan yang ada?**

- i. Pusingan Kredit-i
- ii. Pembiayaan Berjangka-i
- iii. Jaminan Bank-i
- iv. Pembiayaan Penyambung-i

**NOTA PENTING :**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN  
DIAMBIL TERHADAP ANDA  
SEKIRANYA ANDA GAGAL  
MENJELASKAN BAYARAN BAGI  
PEMBIAYAAN INI SECARA BERKALA.**

Maklumat dalam Lembaran :  
Penjelasan Produk ini sah pada \_\_\_\_\_